

4

Prestasi Sektoral

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menguncup dengan anggaran 4.8% dalam tahun 1998 (1997: 7.7%). Ini disebabkan oleh penguncupan pada kadar dua digit dalam permintaan dalam negeri sebenar serta pertambahan permintaan luar negeri sebenar yang lebih perlahan berikutan dari krisis kewangan yang melanda rantau ini semenjak pertengahan 1997. Sektor-sektor utama ekonomi seperti pertanian, perlombongan dan pembinaan mencatatkan nilai ditambah yang lebih rendah sementara nilai ditambah sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan pada kadar yang ketara lebih perlahan. Sektor perkilangan dianggar mencatatkan pengeluaran yang lebih rendah sebanyak 5.8% dalam tahun 1998 (1997: +12.5%) kerana penguncupan yang ketara dalam pasaran jualan dalam negeri dan permintaan luar negeri yang lemah terutamanya dari Asia Timur serta peningkatan persaingan dalam pasaran dunia untuk barangan perkilangan, di samping lebih keupayaan pengeluaran global. Sektor pertanian mengalami penguncupan pengeluaran sebanyak 5.9% (1997: 1.3%). Sebahagian besarnya disebabkan oleh pengeluaran yang rendah bagi minyak kelapa sawit, kayu balak, getah dan koko. Faktor-faktor lain yang menjejaskan pengeluaran pertanian termasuklah cuaca kering yang berpanjangan, pusingan lawas pokok minyak kelapa sawit dan harga eksport yang kurang menarik. Nilai ditambah sektor perlombongan pula merosot tetapi secara marginal, dengan anggaran 0.8% (1997: 1%) sebahagian besarnya kerana pengeluaran gas yang rendah berikutan permintaan pengambilan yang lebih rendah dari Jepun dan Korea Selatan. Sektor pembinaan menguncup dengan anggaran 19.2% dari segi nilai ditambah (1997: +9.5%) kerana kejatuhan yang mendadak dalam pembinaan bangunan baru perniagaan bertingkat tinggi dan kondominium mewah kesan dari lebih penawaran dalam suasana permintaan yang lemah. Penyiapan projek-projek infrastruktur utama juga telah

mempengaruhi aktiviti pembinaan dalam tahun ini. Berikutan dari pengurangan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam sektor-sektor utama, jumlah perdagangan dalam dan luar negeri yang lebih rendah serta pendapatan boleh guna yang berkurangan, nilai ditambah sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 2.1% sahaja dalam tahun 1998 (1997: 8%). Pertumbuhan dalam sektor-sektor kecil perkhidmatan juga perlahan dalam tahun 1998 kecuali bagi sektor kecil perkhidmatan perdagangan borong dan runcit yang merosot dengan anggaran 1.4% (1997: 7%).

Sektor Perkilangan

Tinjauan Keseluruhan

Sektor perkilangan yang telah mengalami pertumbuhan yang menggalakkan sejak tahun 1987 dijangka mencatat penguncupan dari segi nilai ditambah, iaitu sebanyak 5.8% (1997: +12.5%). Secara amnya, kedua-dua industri berorientasi pasaran dalam negeri dan eksport mengurangkan hasil keluaran mereka dalam tahun ini selaras dengan permintaan dalam negeri yang lembap, pesanan jualan dari rantau Asia Timur yang lemah akibat krisis kewangan dan persaingan pasaran dunia yang meningkat. Peningkatan kos pengeluaran akibat harga komponen import yang tinggi, mudahtunai sistem kewangan yang ketat, kadar faedah yang tinggi dan pergerakan kadar pertukaran ringgit yang tidak menentu dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini juga menyebabkan pekilang-pekilang mengambil langkah lebih berhati-hati, khususnya untuk tidak menambah bekalan stok dalam keadaan kos pegangan yang semakin meningkat. Keadaan permintaan yang tidak menggalakkan juga menyebabkan kebanyakan industri telah menangguhkan rancangan mereka untuk mengembang dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pengeluaran.

Jadual 4.1

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)
Prestasi Mengikut Sektor (%)**

	1997			1998 ^a		
	Kadar Pertumbuhan	Sumbangan Dari KDNK	Sumbangan kepada Pertumbuhan	Kadar Pertumbuhan	Sumbangan Dari KDNK	Sumbangan kepada Pertumbuhan
Pertanian, perhutanan dan perikanan ¹	1.3	11.9	2.2	-5.9	11.8	-14.7
Perlombongan	1.0	6.7	0.9	-0.8	7.0	-1.1
Perkilangan	12.5	35.7	55.5	-5.8	35.4	-43.2
Pembinaan	9.5	4.8	5.8	-19.2	4.1	-19.2
Perkhidmatan	8.0	44.9	46.5	2.1	48.1	19.7
<i>Tolak</i> Bayaran perkhidmatan yang dikenakan	14.6	8.2	14.6	6.8	9.2	11.6
<i>Campur</i> Duti Import	6.7	4.1	3.6	-35.0	2.8	-29.9
KDNK	7.7	100.0	100.0	-4.8	100.0	100.0

¹ termasuk ternakan dan hortikultur

^a anggaran

Pengurangan dalam pengeluaran sektor perkilangan juga dapat dilihat daripada jumlah pengambilan pekerja dalam sektor berkenaan pada tahun 1998. Selepas mengalami peningkatan pada kadar tahunan sebanyak 6.4% selama empat tahun yang lalu, gunatenaga sektor perkilangan telah mencatat pengurangan sebanyak 3.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +2.2%). Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda menunjukkan bahawa pihak pekilang, terutamanya industri-industri yang menghadapi lebihan kapasiti akibat kuncupan permintaan dalam negeri, telah mengambil kesempatan daripada kemerosotan nilai ringgit untuk mempergiatkan usaha-usaha untuk menambahkan hasil eksport. Industri-industri seperti keluaran simen, besi dan keluli serta kelengkapan pengangkutan telah mencatat jualan eksport yang lebih tinggi berbanding sebelum ini. Sungguhpun demikian, sumbangan sektor perkilangan kepada KDNK benar dijangka menurun sedikit kepada 35.4% dalam

tahun 1998 (1997: 35.7%) disebabkan pengurangan dalam pengeluaran sektor berkenaan.


Bagi tempoh tujuh bulan pertama 1998, **Indek Pengeluaran Perkilangan** yang menggambarkan tahap pengeluaran sektor perkilangan telah menguncup sebanyak 6.7% berbanding dengan peningkatan sebanyak 13.3% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Hampir semua sektor dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri dan eksport telah mengalami pengurangan pengeluaran kecuali industri-industri keluaran plastik, getah dan televisyen serta sektor kecil industri tekstil yang terlibat dalam kegiatan mencelup, memutih dan menyudahkan benang dan fabrik. Pada keseluruhannya, keluaran industri berorientasikan pasaran eksport telah menguncup sebanyak 2.7% (Januari-Julai 1997: +10.1%) sementara industri berorientasikan pasaran dalam negeri merosot sebanyak 10.8% (Januari-Julai 1997: +16.9%). (sila lihat Jadual 4.3). Pengurangan pengeluaran

Carta 4.1

Indeks Pengeluaran Perkilangan 1995-1998

(Januari - Julai)

(1993 = 100)



dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri disebabkan oleh penguncupan pengeluaran yang besar dalam industri-industri berkaitan bahan-bahan binaan seperti keluaran-keluaran galian bukan logam, besi dan keluli serta sektor kecil kelengkapan pengangkutan. Kekurangan kerja-kerja pembinaan baru yang ketara pada sepanjang tahun ini memberi kesan kepada industri-industri berkaitan bahan-bahan binaan. Di samping itu, hakisan kekayaan penduduk akibat kejatuhan nilai saham, ketidaktentuan mengenai prospek pekerjaan serta langkah sewa-beli kredit yang ketat dalam tempoh separuh pertama 1998 telah mengurangkan permintaan terhadap kereta penumpang, dan oleh itu menjejaskan pengeluaran industri kelengkapan pengangkutan.

Bagi Industri berorientasikan pasaran eksport pula, pengurangan pengeluaran industri berkenaan disebabkan sebahagiannya oleh kelembapan permintaan dunia bagi barangan elektronik, terutamanya separa konduktor yang merupakan hasil eksport barangan perkilangan utama negara. Industri elektronik mencatatkan penguncupan

dalam pengeluaran buat pertama kali sejak tahun 1989 akibat lebih penawaran 'chips memory' dalam pasaran dunia berbanding dengan permintaannya yang berkurangan. Pengurangan permintaan pasaran luar negeri, terutamanya dari Asia Timur, peningkatan kos bahan mentah yang diimport dan persaingan yang sengit daripada pengeluar-pengeluar berkos rendah juga telah menjejaskan prestasi industri tekstil dan pakaian, kecuali sektor kecil industri tekstil yang terlibat dalam kegiatan mencelup, memutih dan menyudahkan benang dan fabrik. Industri keluaran berasaskan kayu juga terjejas oleh lebih penawaran dan pengurangan permintaan, khususnya bagi permintaan kayu papan lapis dari negara-negara Asia Timur. Walau bagaimanapun, industri keluaran berasaskan getah telah mendapat manfaat daripada susutan nilai ringgit. Keluaran berasaskan getah telah mencatatkan pertambahan pengeluaran sebanyak 6.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 hasil daripada permintaan luar yang kukuh.

Produktiviti buruh atau keluaran bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan telah menurun sedikit pada kadar 2.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: +10.9%). Penurunan ini disebabkan oleh kejatuhan pengeluaran sektor perkilangan yang ketara akibat daripada pesanan jualan yang lemah berbanding dengan pengurangan gunatenaga pada kadar yang lebih perlahan dalam sektor perkilangan. Sebaliknya, upah purata benar telah jatuh sebanyak 9.9% (Januari-Julai 1997: +18.9%) setelah mengambilkira perubahan harga jualan. Memandangkan kejatuhan kadar upah purata benar lebih cepat berbanding dengan kemerosotan produktiviti, kos buruh seunit benar bagaimanapun telah jatuh sebanyak 7.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, jauh berbeza dengan peningkatan 7.2% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Ini disebabkan sebahagian besarnya oleh kejatuhan kos buruh seunit dalam industri elektrik, elektronik dan jentera serta industri tekstil dan kimia. Walau bagaimanapun, industri kelengkapan pengangkutan telah mencatatkan kos buruh seunit yang lebih tinggi dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1997 (sila lihat Jadual 4.2).

Walaupun terdapat kemerosotan dalam pengeluaran, **nilai jualan** sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 10.1% (Januari-Julai 1997: +5.9%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998. Ini disebabkan harga-harga jualan eksport yang

Jadual 4.2

Sektor Perkilangan:
Produktiviti Buruh, Upah Purata Benar dan Kos Buruh Seunit
Mengikut Industri
 (% perubahan tahunan bagi tempoh Januari-Julai 1998)

<i>Industri</i>	<i>Produktiviti Buruh</i>	<i>Upah Purata Benar</i>	<i>Kos Buruh Seunit Benar</i>
Sektor perkilangan	-2.9	-9.9	-7.1
Elektrik, elektronik dan jentera	0.6	-13.6	-14.1
Tekstil, pakaian dan kasut	-0.4	-15.8	-15.4
Kimia, keluaran kimia dan plastik	-1.0	-13.9	-13.0
Kelengkapan pengangkutan	-30.5	14.3	64.5

Sumber: Pengiraan berasaskan Penyiasatan Bulanan Perindustrian, Jabatan Perangkaan

lebih tinggi memandangkan sebahagian besar eksport ini diniagakan dalam nilai dolar AS. Oleh yang demikian, industri berorientasikan pasaran eksport seperti industri keluaran elektrik dan elektronik dan jentera serta industri tekstil telah mencatat pendapatan jualan yang lebih tinggi. Industri berorientasikan pasaran dalam negeri pula, terutamanya industri menghasilkan barangan tahan lama seperti kereta penumpang, terjejas oleh kemerosotan permintaan dalam negeri. Nilai jualan sektor kecil kelengkapan pengangkutan sebagai contohnya telah merosot sebanyak 53.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: +19.2%) akibat daripada hasil jualan yang lemah dan harga yang rendah. Sebaliknya, keadaan pasaran gunatenaga yang lebih lega telah membantu menyekat kenaikan dalam kos upah. Jumlah upah telah meningkat sebanyak 2.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +13.6%), iaitu agak rendah berbanding dengan kadar peningkatan nilai jualan. Justeru, kos buruh setiap RM100 jualan keluaran sektor perkilangan telah merosot sebanyak 7.2% daripada RM6.85 setiap RM100 jualan pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 kepada RM6.36 setiap RM100 jualan pada tempoh yang sama tahun 1998.

Elektrik, Elektronik dan Jentera

Industri **elektrik, elektronik dan jentera**, lazimnya merupakan industri berorientasikan

pasaran eksport yang utama, telah mengalami kemerosotan pengeluaran sebanyak 3.0% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +13.7%). Kemerosotan pengeluaran ini sejajar dengan pengurangan permintaan dunia bagi separa konduktor berpunca daripada krisis ekonomi serantau. Prestasi ini juga disebabkan oleh kejatuhan yang ketara dalam pengeluaran industri elektrik dan elektronik, terutamanya peralatan elektrik isirumah akibat kelembapan permintaan dalam pasaran tempatan. Walau bagaimanapun, sumbangan sektor elektrik, elektronik dan jentera kepada pengeluaran keseluruhan sektor perkilangan telah meningkat kepada 37.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 35.8%), memandangkan kadar penguncupan pengeluaran agak sederhana berbanding industri-industri perkilangan lain.

Pengeluaran sektor kecil **separa konduktor dan komponen elektronik lain**, meliputi separa konduktor, "disk-drive", "magnetic heads", "silicon wafers", komponen telekomunikasi, transistor elektronik dan litar bersepadu, telah menguncup sedikit kepada 0.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: +23.7%). Ini disebabkan pengeluar terpaksa menghadapi masalah kitaran penawaran komponen elektronik yang berlebihan dan permintaan yang rendah akibat krisis kewangan yang menjejaskan negara-negara Asia Timur. Pengeluaran yang perlahan ini juga

Jadual 4.3

**Indeks Pengeluaran Perkilangan Malaysia
1993 = 100**

	Wajaran 1993	1997 Januari-Julai	1998 % perubahan Sumbangan	1998 %
Makanan, minuman dan tembakau	11.12	10.2	-2.5	9.3
Tekstil dan pakaian	5.58	7.2	-5.5	4.2
Kasut	0.10	-16.5	-40.9	0.0
Penapisan petroleum	1.36	10.2	-11.1	1.3
Kimia, keluaran kimia dan plastik	15.47	26.3	1.3	19.1
Kertas dan produk kertas	1.69	10.5	-3.2	1.4
Keluaran berasaskan getah	5.28	-0.1	6.9	5.3
Keluaran berasaskan kayu (kecuali perabot)	7.70	2.2	-7.3	5.7
Keluaran galian bukan logam	4.22	16.3	-21.1	3.9
Kaca dan keluaran kaca	0.65	11.7	-28.3	0.5
Keluaran Besi dan keluli	3.17	10.0	-35.5	2.2
Keluaran logam bukan ferum	0.82	35.5	-3.7	1.0
Keluaran logam yang direka	4.53	10.0	-4.5	5.1
Elektrik, elektronik dan jentera	32.91	13.7	-3.0	37.2
Alat profesional dan saintifik dan ukuran dan kawalan	1.35	3.8	3.6	1.1
Kelengkapan pengangkutan	3.65	12.9	-51.0	2.5
Pelbagai produk petroleum dan arang batu	0.41	12.5	-14.7	0.3
JUMLAH	100.00	13.3	-6.7	100.0

Sumber: Berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan

boleh dikaitkan dengan lebih kapasiti dalam pasaran dunia, terutamanya bagi dynamic "random access memory chips" (DRAM), yang dijejaskan oleh masalah kejatuhan harga dan kekurangan kemajuan dalam aplikasi produk baru selepas mengalami ledakan dalam perkembangan komputer persendirian, internet dan telefon bergerak.

Pengeluaran industri keluaran **radio dan televisyen, perkakas penghasilan semula dan perakaman audio-visual** sebagai satu kumpulan telah mengalami arah aliran sebaliknya, mencatatkan pertambahan sebanyak 10.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: - 9.4%). Ini disebabkan oleh peningkatan pengeluaran televisyen sebanyak 11.9% kepada 4.7 juta unit (Januari-Julai 1997: -21.1%), memandangkan kepada permintaan yang tinggi bagi jenis produk yang lebih canggih seperti televisyen "home theater", khususnya bagi menampung permintaan pasaran luar negeri. Walau bagaimanapun, pengeluaran radio telah merosot sebanyak 3.7% dalam tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai: +10.9%) berikutan dengan permintaan pasaran dalam negeri yang lemah.

Pengeluaran industri keluaran **jentera bukan elektrik**, meliputi mesin-mesin pejabat, perakaunan dan perkiraan serta mesin pendingin udara, pembersih udara, peti sejuk dan ekzos, merosot dengan ketara sebanyak 30.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +0.9%). Pengeluaran bagi pasaran dalam negeri untuk peralatan isirumah seperti peti sejuk telah merosot sebanyak 10.4% sementara penyaman udara sebanyak 41.7%. Ini disebabkan oleh kelembapan ekonomi negara dan kurang keyakinan pengguna. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit pemulihan dalam pengeluaran mesin perakaunan dan perkiraan pejabat, termasuk komputer peribadi, disket magnetik, pengira elektronik, mesin taip, antena radio, telefon bergerak dan bukan bergerak, telah meningkat sebanyak 3.6% (Januari-Julai 1997: - 11.1%) hasil daripada peningkatan jualan eksport ke pasaran Amerika Syarikat (AS) dan Eropah. Sebaliknya, sektor kecil **kabel dan dawai**, termasuk kabel telefon dan telegrafik, telah merosot dengan ketara sebanyak 22.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +14.3%) berikutan dengan kelembapan aktiviti ekonomi dalam negeri.

Prospek jangka masa pendek industri elektrik, elektronik dan jentera dijangka akan pulih kembali. Memandangkan permintaan dari pasaran luar negeri akan meningkat secara beransur-ansur, maka paras penggunaan kapasiti pengeluaran industri ini seharusnya meningkat dalam suku akhir tahun 1998. Perkembangan ini juga akan membantu sektor perkilangan untuk kembali meningkatkan pengeluarannya secara positif pada tahun 1999.

Jadual 4.4

**Pengeluaran Kelengkapan Elektrik Dan Elektronik Terpilih
(Januar-Julai)**

	1997	1998	Perubahan Tahunan (%)
Transistor elektronik (juta unit)	7,558	7,635	1.0
Litar bersepadu (juta unit)	6,944	6,803	-2.0
Televisyen ('000 unit)	4,186	4,683	11.9
Radio ('000 unit)	19,093	18,393	-3.7
Pendingin udara bilik ('000 unit)	1,594	930	-41.7
Peti sejuk isirumah ('000 unit)	135	121	-10.4
Dawai dari kabel bertebat (tan metrik)	69,800	50,676	-27.4

Sumber: Berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan

Tekstil, Pakaian dan Kasut

Pengeluaran **industri tekstil dan pakaian**, satu lagi industri berorientasikan pasaran eksport yang penting, menguncup sebanyak 5.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +7.2%). Pengeluaran ini telah dipengaruhi oleh peningkatan kos bahan mentah, kadar faedah yang lebih tinggi serta pesanan jualan yang berkurang. Kesukaran untuk memperolehi pekerja yang mencukupi dan persaingan dari negara-negara pengeluar berkos rendah telah juga memberi kesan ke atas prestasi industri berkenaan. Walau bagaimanapun, industri ini masih mengekalkan sumbangannya sebanyak 4.2% kepada jumlah nilai ditambah sektor perkilangan dalam tempoh tersebut.

Pengeluaran **kilang memintal dan menenun serabut asli** mencatatkan kemerosotan mendadak sebanyak 30.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 6.4%). Ini disebabkan sebahagiannya oleh penutupan dua buah kilang, satu di Pulau Pinang yang telah mengalami kebakaran pada tahun 1997 dan satu lagi di Taiping yang telah ditamatkan operasinya pada Mac 1998

kerana tidak dapat bersaing. Pada masa yang sama, pengeluaran kilang mengait merosot lebih perlahan pada kadar 14.5% sementara kilang tekstil tiruan 0.4%. Walau bagaimanapun, pengeluaran dari kegiatan mencelup, memutih, mengecap dan menyudahkan benang dan fabrik meningkat sebanyak 6.1% selepas merosot 2.0% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997. Ini disebabkan permintaan dari sektor pakaian telah meningkat sedikit berikutan dengan kenaikan harga tekstil yang diimport yang semakin mahal.

Sebaliknya, pengeluaran **pakaian** meningkat semula sebanyak 0.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 selepas merosot sebanyak 1.2% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pesanan dari luar negeri yang sebahagiannya mencerminkan peningkatan usaha-usaha dalam mempromosi barangan buatan Malaysia, bukan sahaja di pasaran tradisi Asia-Pasifik dan Eropah tetapi juga di pasaran baru negara-negara Asia Barat dan Afrika. Walau bagaimanapun, pengeluaran **kasut** terus merosot sebanyak 40.9% berbanding dengan pengurangan sebanyak 16.5% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Ini disebabkan oleh pengurangan pengeluaran kasut kulit berikutan dengan perbelanjaan penggunaan dalam negeri yang lebih hemat.

Industri tekstil dan pakaian terus menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh, khususnya pekerja mahir. Oleh itu, industri ini mungkin tidak dapat mengambil lebih banyak pesanan kerana bimbang tidak dapat menunaikannya. Penyelenggaraan mesin juga tergendala berikutan peningkatan kos alat ganti yang diimport. Keadaan ini mungkin akan menjejaskan keupayaan pengeluaran pada masa hadapan. Sungguhpun demikian, Industri tekstil dan pakaian dijangka akan pulih pada bulan-bulan terakhir 1998 serta mencatatkan pertumbuhan kecil pada kadar 0.3% bagi tahun 1998. Sebaliknya, prospek industri kasut tidak begitu menggalakkan. Pengeluaran industri ini dijangka merosot sebanyak 45.0% pada tahun 1998 (1997: -25.4%) kerana keadaan pasarannya yang tepu berikutan permintaan yang lemah.

Kayu dan Keluaran Berasaskan Kayu

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, pengeluaran industri **keluaran berasas kayu**, (kecuali perabot) telah mencatat pengurangan

sebanyak 7.3% (Januari-Julai 1997: +2.2%). Ini disebabkan terutamanya oleh kemerosotan yang ketara dalam pengeluaran kayu gergaji dan venir, papan gentian keras dan papan serbuk. Justeru, sumbangan sektor ini kepada keseluruhan sektor perkilangan telah jatuh sedikit kepada 5.7% (Januari-Julai 1997: 5.8%).

Pengeluaran industri **papan lapis dan venir, papan gentian keras dan papan serbuk** sebagai satu kumpulan merosot sebanyak 14.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: +8.4%) disebabkan permintaan dalam negeri dan luar negeri yang lemah. Berhadapan dengan krisis ekonomi serantau, pengeluaran-pengeluar rantau ini telah beralih perhatian kepada pasaran AS akibat penguncupan permintaan di pasaran Asia, terutamanya Jepun. Ini telah menimbulkan tekanan berterusan kepada harga-harga papan lapis memandangkan kepada peningkatan persaingan dalam pasaran antarabangsa yang makin kecil. Akibatnya, pengeluaran papan lapis telah jatuh sebanyak 14.3% kepada 2.2 juta meter padu dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +6.4%). Pengeluaran papan gentian keras dan venir juga jatuh disebabkan stok berlebihan akibat kelembapan permintaan yang berpunca daripada kekurangan kerja-kerja pembinaan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, pengeluaran venir telah merosot sebanyak 10.9% kepada 677,514 meter padu (Januari-Julai 1997: +5.7%), sementara pengeluaran papan gentian keras berkurang sebanyak 12.1% kepada 93,191 meter padu (Januari-Julai 1997: +28.4%).

Sungguhpun menghadapi kekurangan dalam bekalan kayu balak, pengeluaran **kilang papan** telah meningkat sebanyak 13.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -11.6%). Perkembangan yang positif ini didorong oleh peningkatan penggunaan kayu balak gergaji tempatan untuk aktiviti perkilangan hiliran, terutamanya industri perabot, memandangkan pengurangan permintaan pasaran luar negeri bagi kayu balak gergaji. Oleh yang demikian, pengeluaran kayu balak siap meningkat sebanyak 35.2% kepada 37,217 meter padu (Januari-Julai 1997: -0.9%). Prestasi yang menggalakkan ini juga dapat digambarkan dalam jualan **perabot dan kelengkapan perabot**. Jualan industri ini telah meningkat sebanyak 22.3% kepada RM1.17

bilion dalam tempoh tujuh bulan tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 5.3%). Walaupun menghadapi keadaan permintaan dalam negeri yang tidak memuaskan, pengeluaran perabot dan kelengkapan perabot yang masih kukuh ini didorong oleh permintaan yang mapan dari pasaran AS dan Eropah. Malaysia kini merupakan salah sebuah negara pengeksport perabot utama di pasaran AS dan Jepun. Perabot buatan kayu getah mula menjadi keluaran utama eksport perabot Malaysia dan semakin popular dengan ciri-ciri pembentukan dan pemasangan yang mudah. Industri ini dijangka akan menyumbangkan lebih daripada RM2 bilion hasil pendapatan eksport pada tahun 1998 dan dijangka akan terus berkembang antara 10% hingga 15% bagi tahun 1998 hingga tahun 2000.

Keluaran Berasaskan Getah

Pengeluaran industri **keluaran berasaskan getah** mengalami arah aliran meningkat pada tahun 1998 sungguhpun keadaan ekonomi yang tidak menentu. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, pengeluarannya telah meningkat sebanyak 6.9% (Januari-Julai 1997: -0.1%). Peningkatan ini disebabkan permintaan dari negara AS dan Eropah yang menggalakkan walau permintaan dari negara-negara Asia Timur lembab kerana dilanda krisis ekonomi. Pengeluaran sarung tangan getah terus merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan pengeluaran industri ini.

Pengeluaran sektor kecil **pengilangan semula getah dan pemprosesan susu getah** merosot sedikit pada kadar 0.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -3.4%). Peningkatan kos pengeluaran dan kekurangan bekalan getah asli terus menjejaskan industri berkenaan. Walau bagaimanapun, pengeluaran industri **keluaran getah lain** yang merangkumi sarung tangan getah, "catheters" dan kepingan getah telah meningkat dengan ketara sebanyak 15.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -0.2%). Ini disebabkan prestasi sektor eksport sarung tangan getah yang terus kukuh yang mendorong meningkatkan pengeluaran sebanyak 19.3% (Januari-Julai 1997: -1.5%). Sebaliknya, kekurangan tenaga kerja dan persaingan sengit dari negara-negara jiran terus menjejaskan industri **kasut getah**. Pengeluarannya terus merosot sebanyak 38.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -28.4%).

Pengeluaran **tayar dan tiub** merosot dengan sederhana sebanyak 7.9% pada tempoh tempuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +7.6%), sementara pengeluaran tayar pneumatic meningkat sebanyak 3.9% kepada 7.9 juta unit. Usaha-usaha gigih oleh pengeluar tayar untuk menceburi pasaran eksport telah membantu meningkatkan pengeluaran industri mereka walaupun jualan pasaran dalam negeri telah menguncup. Sebaliknya, pengeluaran tiub dalam merosot sebanyak 18.5% pada tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -21.5%) disebabkan kekurangan permintaan dari sektor automobil dalam negeri.

Makanan, Minuman dan Tembakau

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, pengeluaran **makanan, minuman dan tembakau** merosot sebanyak 2.5% (Januari-Julai 1997: +10.2%). Arah aliran yang menurun ini mencerminkan permintaan dalam negeri yang perlahan dihadapi oleh industri berkenaan akibat kelembapan ekonomi. Ketidaktentuan ekonomi dan ketidakstabilan nilai ringgit telah menyebabkan pekilang-pekilang mengambil langkah berhati-hati dalam mengembangkan kapasiti pengeluaran mereka. Walau bagaimanapun, sumbangan industri ini kepada keseluruhan pengeluaran perkilangan telah meningkat sedikit kepada 9.3% (Januari-Julai 1997: 8.9%), memandangkan kemerosotan pengeluarannya lebih sederhana berbanding dengan sektor-sektor perkilangan lain.

Pengeluaran **perkilangan makanan** telah merosot sebanyak 2.6% (Januari-Julai 1997: +10.0%). Kemerosotan ini disebabkan pengurangan dalam pengeluaran industri-industri keluaran tenusu (-5.3%), minyak kelapa (-7.9%) dan marjerin (-34.4%), akibat langkah berhati-hati yang diambil oleh pekilang-pekilang memandangkan peningkatan kos bahan-bahan mentah yang diimport di samping pesanan jualan yang kurang menggalakkan. Industri pengilangan tepung, biskut, gula dan manisan juga mencatat pengurangan pengeluaran, antara 1.6% hingga 14.5% dalam tempoh yang sama. Pengeluaran minyak masak campuran sebaliknya, meningkat dengan ketara sebanyak 44.3% (Januari-Julai 1997: 13.1%) disebabkan peningkatan permintaan luar negeri akibat kejatuhan nilai ringgit. Pengeluaran sektor kecil industri-industri mengetin, mengawet dan memproses ikan, krustasia dan makanan seumpamanya juga meningkat sebanyak 10.2%

dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +29.3%) hasil daripada peningkatan permintaan luar negeri yang didorong oleh kejatuhan nilai ringgit.

Pengeluaran industri **minuman** telah merosot sebanyak 3.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +0.5%) disebabkan pengurangan permintaan penggunaan terhadap minuman ringan dan berkarbonat dengan pengeluarannya dianggarkan berkurangan sebanyak 4.6% (Januari-Julai 1997: -3.3%). Masalah gangguan air di Lembah Klang baru-baru ini juga telah menyebabkan pengurangan pengeluaran dalam industri berkenaan. Begitu juga dengan pengeluaran minuman beralkohol, merosot sebanyak 1.6% (Januari-Julai 1997: +5.4%) akibat permintaan dalam negeri yang lemah. Pengeluaran industri **tembakau** sebaliknya, hanya merosot sedikit sebanyak 0.8% dalam tempoh tujuh bulan yang pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +20.6%) dijejaskan oleh kelembapan permintaan tempatan walaupun terdapat peningkatan jualan dalam pasaran eksport.

Keluaran Petroleum dan Gas

Pengeluaran **kilang penapis petroleum** merosot sebanyak 11.1% dalam tempoh tujuh

Jadual 4.5

Kadar Pertumbuhan Sektor Kecil Perkilangan Makanan Terpilih (%)

	1997	1998
	Januari-Julai	
Kilang beras	-4.4	1.2
Keluaran tenusu	-5.1	-5.3
Kilang biskut	3.7	-14.5
Ikan, krustasia dan makanan seumpamanya	29.3	10.2
Kilang tepung	3.1	-1.3
Kilang gula dan penapis gula	-0.6	-6.6
Koko, coklat dan manisan	-2.9	-1.6
Makanan binatang	3.4	6.5
Keluaran makanan lain	0.1	24.2

Sumber: Jabatan Perangkaan

bulan pertama 1998 berbanding pertambahan sebanyak 10.2% pada tempoh yang sama tahun 1997. Kemerosotan pengeluaran ini disebabkan sebahagiannya oleh penguncupan permintaan dalam negeri secara keseluruhannya untuk keperluan bahanapi dari sektor-sektor pengangkutan, pembinaan, perindustrian dan perdagangan serta isirumah akibat kegiatan ekonomi yang perlahan. Kelembapan permintaan luar negeri dari rantau Asia Timur yang dilanda krisis sebahagiannya telah mempengaruhi prestasi sektor ini. Dengan itu, sumbangannya kepada keseluruhan pengeluaran sektor perkilangan menurun sedikit kepada 1.3% dalam tempoh kajian (Januari-Julai 1997: 1.4%).

Pengeluaran produk kilang petroleum utama seperti minyak tanah, bahanapi, diesel dan gasolin merosot dengan ketara antara 6.2% hingga 19.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 disebabkan kurangnya bekalan petroleum mentah untuk ditapis dalam negeri. Walau bagaimanapun, pengeluaran gas petroleum cecair meningkat sedikit pada kadar 4.3% dalam tempoh yang sama. Peningkatan ini sebahagiannya dihasilkan untuk mengganti bekalan stok yang berkurangan.

Bagi industri gas pula, pengeluaran bersih **gas asli** dianggarkan merosot sebanyak 1.0% kepada 3,860 juta kaki padu sehari (mmscf) pada tahun 1998 berbanding dengan pengeluaran sebanyak 3,900 mmscf pada tahun 1997. Pengurangan ini disebabkan permintaan yang lebih rendah dari Korea Selatan, walaupun terdapat jangkaan pertambahan permintaan dalam negeri dari program Penggunaan Gas Semenanjung. Di Semenanjung Malaysia, gas yang diperolehi dari medan Duyong diproses di empat buah loji pemprosesan gas di Kertih dengan jumlah kapasiti pemprosesannya lebih kurang 1,000 mmscf. Kapasiti pemprosesan gas ini akan meningkat kepada 2,750 mmscf apabila dua buah lagi loji pemprosesan siap dibina pada tahun 1999. Tenaga Nasional Berhad dan Pengeluar-pengeluar Tenaga Bebas (IPP) menggunakan sebahagian besar (72%) gas yang diproses tersebut untuk penjaan kuasa sementara 16.0% lagi digunakan sebagai bahan mentah loji petrokimia dan bakinya dieksport ke Singapura. Gas yang digali di luar pesisir Sabah dan Sarawak pula, diproses kepada **gas asli cecair** di dua buah loji di Bintulu dan sebahagian besar pengeluarannya dieksport ke Jepun dan Korea Selatan. Pengeluaran gas asli cecair dijangka dianggarkan berkurangan sedikit pada kadar 0.6%

kepada 15,210 tan metrik dalam tahun 1998 disebabkan terutamanya oleh kekurangan permintaan dari Korea Selatan.

Kimia, Keluaran Kimia dan Plastik

Prestasi **industri kimia dan plastik** terjejas oleh kelembapan ekonomi dalam negeri serta kelemahan ekonomi serantau, dengan pengeluarannya bertambah hanya 1.3% sahaja dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 berbanding dengan peningkatan sebanyak 26.3% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Prestasi industri ini jelas dicerminkan dalam penguncupan pengeluaran industri kimia dan keluaran kimia lain memandangkan pengeluaran produk kilang plastik terus berkembang walaupun pada tahap yang lebih sederhana. Meskipun pengeluaran industri kimia dan plastik bertambah pada kadar yang sederhana, peratusan bahagiannya kepada keseluruhan pengeluaran sektor perkilangan telah meningkat kepada 19.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 17.6%)

Pengeluaran **produk industri kimia**, merangkumi gas perindustrian, kimia perindustrian asas, petrokimia serta baja dan racun serangga, merosot sebanyak 2.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +20.5%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan 2.7% di dalam pengeluaran gas perindustrian (Januari-Julai 1997: +21.1%). Sementara itu, pengeluaran **kimia perindustrian asas organik dan bukan organik** termasuk oleokimia meningkat sedikit pada kadar 0.9% berbanding peningkatan ketara sebanyak 29.6% yang telah dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Pengeluaran **petrokimia**, seperti resin tiruan, bahan plastik serta elastomer bukan 'vulcanizable' dan serabut tiruan, juga meningkat sedikit pada kadar 1.8% berbanding dengan peningkatan ketara sebanyak 19.2% yang telah dicapai dalam tempoh yang sama tahun 1997. Pengeluaran **baja dan racun serangga** sebaliknya, pulih kembali dan menunjukkan peningkatan yang ketara pada kadar 6.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -8.1%). Peningkatan ini disebabkan oleh penggunaan lebih banyak baja tempatan dalam pengeluaran pertanian memandangkan kemerosotan nilai ringgit telah meningkatkan kos baja yang diimport.

Bagi sektor kecil **keluaran kimia lain**, pengeluarannya merosot sebanyak 6.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +2.7%). Di dalam sektor kecil ini, pengeluaran cat, varnis dan lakuer merosot dengan ketara sebanyak 27.7% selaras dengan penguncupan kegiatan pembinaan dan penjagaan bangunan yang telah menjejaskan permintaan untuk bahan-bahan ini. Pengeluaran ubat-ubatan menurun sedikit pada kadar 0.8%. Walau bagaimanapun, pengeluaran sabun serta sedian mencuci telah pulih kembali dan mencatatkan peningkatan sebanyak 7.3% (Januari-Julai 1997: -11.3%) disebabkan peningkatan pasaran luar negeri dan sebahagiannya juga kerana penggantian import berikutan kenaikan harga import.

Pengeluaran produk kilang **plastik** terus meningkat walaupun pada kadar sederhana sebanyak 12.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +55.9%). Sebahagian besar pengeluaran plastik, merangkumi barangan peralatan isirumah dan bahan bungkusan serta pengeluaran bahagian dan komponen untuk beberapa industri seperti elektrik dan elektronik, automobil, automasi pejabat, komputer dan telekomunikasi. Prestasi yang agak baik ini disebabkan sebahagiannya oleh peningkatan 30.4% di dalam pengeluaran botol plastik. Permintaan daripada industri minuman air galian serta penggantian tin aluminium telah mendorong perkembangan ini.

Keluaran Galian Bukan Logam

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, pengeluaran industri **galian bukan logam** telah merosot sebanyak 21.1% (Januari-Julai 1997: +16.3%). Penguncupan permintaan dalam negeri disebabkan kekurangan ketara kerja-kerja pembinaan baru telah menjejaskan pengeluaran industri ini. Akibatnya, sumbangan industri ini kepada keseluruhan pengeluaran perkilangan telah jatuh kepada 3.9% (Januari - Julai 1997: 4.6%).

Pengeluaran industri **simen dan keluaran konkrit** telah merosot dengan ketara sebanyak 34.1% (Januari-Julai 1997: +31.1%) disebabkan permintaan bahan-bahan binaan yang lemah seperti simen "portland", kepingan bumbung genting, paip konkrit dan konkrit campuran siap serta keluaran simen asbestos. Industri ini telah melaksanakan program pembesaran kapasiti sejak tahun lepas atas

jangkaan permintaannya akan meningkat. Sebaliknya, jangkakan peningkatan permintaan tidak berlaku seperti mana diharapkan disebabkan penguncupan aktiviti pembinaan yang dilanda krisis ekonomi. Berasaskan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 24.5 juta metrik ton, kini industri berkenaan terpaksa menghadapi lebihan bekalan simen. Dengan krisis ekonomi berlanjutan, masalah lebihan kapasiti ini dijangka memburukkan lagi keadaan hingga mencapai ke tahap 40%. Walau bagaimanapun, usaha-usaha gigih pihak pengeluar untuk mengeksport sebahagian kapasiti lebihan ini telah pun berhasil. Dengan inisiatif kerajaan untuk merangsang semula projek-projek infrastruktur yang selanjutnya menggalakkan lebih banyak penggunaan simen, masalah lebihan penawaran dijangka dapat dibendung. Bagi industri **simen hidraul** pula, pengeluarannya telah merosot sebanyak 10.9% kepada 6.4 juta tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari - Julai 1997: +5.2%).

Pengeluaran industri keluaran **tanah liat struktur** telah berkurang sebanyak 14.4% (Januari-Julai 1997: +12.7%) disebabkan kemerosotan permintaan bagi jubin seramik dan bata tanah. Walau bagaimanapun, kemerosotan dalam pengeluaran industri ini dapat dikurangkan hasil daripada penglibatan agresif pengeluar-pengeluar untuk menceburi pasaran luar negeri. Di kalangan industri berkenaan, pengeluaran jubin seramik telah berkurangan sebanyak 25.6% kepada 23.7 juta meter persegi, manakala pengeluaran bata tanah merosot sebanyak 11.4% kepada 487 juta unit. Pengeluaran industri **kaca dan keluaran kaca** juga mencatatkan penguncupan sebanyak 28.3% pada tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari - Julai 1997: +11.7%) disebabkan oleh kelembapan aktiviti dalam sektor pembinaan.

Keluaran Besi, Keluli Dan Logam

Sepertimana industri-industri berkaitan bahan-bahan binaan lain, prestasi industri **besi, keluli dan logam** juga dipengaruhi oleh pengurangan kerja-kerja pembinaan yang ketara pada tahun 1998. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, pengeluaran sektor kecil industri **besi dan keluli** telah merosot sebanyak 35.5% (Januari - Julai 1997: +10.0%). Penguncupan pengeluaran ini disebabkan sebahagiannya oleh pengeluaran industri besi dan keluli utama sebanyak 42.8% (Januari-Julai 1997: +12.1%). Begitu juga dengan industri keluran besi dan keluli lain termasuk kepingan besi bersadur, paip, tiub dan kelengkapan besi kimpal dan keluli, pengeluarannya merosot

sebanyak 21.1% (Januari-Julai 1997: +6.0%). Penguncupan permintaan dalam negeri dan peningkatan kos pengeluaran kesan daripada kejatuhan nilai ringgit ke atas bahan-bahan yang diimport telah menjejaskan industri ini dengan teruknya. Bagi memastikan industri ini dapat bertahan dalam jangka panjang, mereka perlu melipatgandakan lagi usaha-usaha untuk menceburi pasaran eksport supaya tidak terlalu gantung kepada pasaran dalam negeri.

Kelembapan ekonomi negara juga telah menjejaskan industri keluaran **logam yang direka**. Pengeluaran industri ini telah menguncup sebanyak 4.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +10.0%). Penguncupan ini disebabkan oleh pengurangan permintaan daripada industri-industri pengguna bahan mentah seperti industri-industri pembinaan dan bangunan, automobil, reka dan acuan, dan perkilangan-perkilangan lain seperti industri mengetin. Hampir semua jenis keluaran di bawah sektor kecil industri ini, termasuk keluaran-keluaran logam struktur, bekas tin dan kotak logam serta dawai dan keluaran dawai mengalami kemerosotan dalam pengeluaran antara 5.3% hingga 22.1%. Memandangkan kepada jangkaan pertumbuhan ekonomi yang belum pulih dengan sepenuhnya dalam tahun 1999, industri ini mesti berusaha dengan lebih gigih untuk meneroka pemasaran luar negeri supaya dapat kembali cergas daripada kemerosotan yang sedang dialami oleh industri ini.

Kelengkapan Pengangkutan

Industri **kelengkapan pengangkutan** yang merangkumi pembuatan dan pemasangan kenderaan bermotor serta bahagian komponen telah terjejas dengan ketara akibat penguncupan permintaan dalam negeri semenjak suku akhir tahun 1997. Pengeluaran industri berkenaan merosot sebanyak 51.0% pada tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: + 12.9%). Industri kenderaan bermotor merupakan sektor yang paling terjejas, merosot sebanyak 60.1%, dan diikuti oleh pembuatan dan pemasangan motosikal dan skuter (- 41.1%) serta pembuatan alat ganti dan aksesori (- 36.8%) berbanding catatan peningkatan masing-masing sebanyak 12.2%, 22.6% dan 8.8% dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Dari segi bilangan unit yang dikeluarkan, **kenderaan perdagangan** mencatatkan kemerosotan mendadak sebanyak 86.0% kepada 7,605 unit dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: + 47.2%). Pengeluaran **kereta penumpang** merosot sebanyak 60.0% kepada 76,767 unit (Januari-Julai 1997: +10.1%). Pengeluaran kereta nasional juga terjejas dengan ketara oleh kelembapan aktiviti dalam industri berkenaan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, pengeluaran kereta PROTON merosot sebanyak 59.9% (Januari-Julai 1997: +34.1%) manakala kenderaan PERODUA sebanyak 17.1% (Januari-Julai 1997: +53.8%). Sektor **motosikal** juga terjejas dengan pengeluaran merosot sebanyak 38.3% kepada 156,353 unit dalam tempoh yang sama (Januari-Julai 1997: +36.5%). Sejalan dengan pengurangan pengeluaran kenderaan bermotor, **pengeluaran alat ganti dan aksesori** juga berkurangan. Pada tujuh bulan pertama 1998, nilai alat ganti automobil yang dihasilkan ialah RM1.1 bilion, jauh lebih rendah berbanding RM1.9 bilion bagi tempoh yang sama 1997.


Penghakisan harta kekayaan pengguna akibat kejatuhan harga aset, peraturan sewa-beli yang ketat bagi kereta penumpang dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 serta pengenaan duti import yang lebih tinggi bagi sebahagian kategori kenderaan tertentu merupakan beberapa faktor utama yang membawa kesan negatif ke atas permintaan dan seterusnya pengeluaran industri kelengkapan pengangkutan. Pengurangan jumlah jualan kenderaan juga mencerminkan kelembapan prestasi industri berkenaan. Jualan kereta penumpang, mengikut bilangan pendaftaran kenderaan baru, merosot sebanyak 62.5% kepada 63,772 unit dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 21.5%), sementara jualan motosikal jatuh sebanyak 41.2% kepada 139,496 unit (Januari – Julai 1997 : + 25.2%). Jualan kenderaan perdagangan pula menurun sebanyak 81.3% kepada 8,384 unit (Januari – Julai 1997: + 40.3%).

Penguncupan permintaan dalam negeri telah menimbulkan berbagai masalah kepada industri berkenaan. Selaras dengan dorongan permintaan yang kukuh pada beberapa tahun lepas, industri kelengkapan pengangkutan telah menambah kapasiti pengeluarannya kepada 600,000 unit

kenderaan penumpang dan perdagangan dan 700,000 unit motosikal setahun. Namun begitu, industri ini sedang menghadapi masalah lebih kapasiti yang tinggi oleh kerana jumlah pesanan jualan telah berkurangan. Memandangkan kepada lebih stok yang besar serta prospek pasaran yang tidak menggalakkan, kebanyakan syarikat yang terlibat dalam industri ini telah mengurangkan bilangan syif atau hari kerja sementara beberapa syarikat dikalangan mereka telah memilih untuk menjalankan pengeluaran secara berperingkat atau menutup sementara. Tahap penggunaan kapasiti purata telah menurun ke paras kira-kira 30% berbanding dengan hampir 75% pada tahun 1997. Industri ini sedang menghadapi masalah inventori yang tinggi, aliran mudah tunai yang ketat, penggunaan kapasiti yang rendah, kemudahan-kemudahan perkilangan yang tidak diperlukan serta tenaga kerja yang berlebihan. Walau bagaimanapun, industri kelengkapan pengangkutan kini mula mengalami peningkatan jualan kenderaan berikutan kelonggaran peraturan sewa beli baru-baru ini serta pengurangan kadar faedah pinjaman. Umpamanya, pada bulan Ogos 1998, jualan kereta penumpang telah meningkat kepada 13,658 unit berbanding dengan 12,167 unit pada bulan Julai dan 5,641 unit pada bulan Februari 1998.

Sektor Pertanian

Keluaran sektor pertanian dalam tahun 1998 dijangka mengecut sebanyak 5.9% (1997: 1.3%). Penguncupan yang ketara ini merujuk kepada pengeluaran yang rendah dalam hampir kesemua tanaman utama kecuali lada hitam. Pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka merosot sebanyak 8% berikutan kesan lawas pokok dan kemarau yang dibawa oleh *El Nino*. Begitu juga dengan pengeluaran getah dan kayu balak dijangka merosot masing-masing sebanyak 7.3% dan 15%, sebahagian besarnya akibat dari harga yang lemah. Pengeluaran getah dunia yang berlebihan berbanding penawaran telah mengekalkan harga komoditi tersebut dalam *doldrum* meskipun berlaku kejatuhan nilai mata wang negara pengeluar utama seperti negara Thai, Indonesia dan Malaysia. Bagi kayu balak pula, keadaan ekonomi yang bertambah buruk di Indonesia, salah satu pengeluar utama kayu kayan telah memaksa pengeksport di sana yang memerlukan dana untuk menawarkan bekalan pada harga yang ketara rendahnya sehingga menekan pasaran. Pengeluaran koko juga dijangka merosot sebanyak 15.5% disebabkan kesan teruk *El Nino*



keatas tanaman tersebut. Oleh itu, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK dijangka merosot lagi kepada 11.8% dalam tahun 1998 (1997: 11.9%).

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Pokok **kelapa sawit** sedang mengalami lawas pokok dalam tahun 1998, selepas tiga tahun berturut-turut pengeluarannya meningkat. Pengeluaran yang merosot ini juga disebabkan oleh kemarau daripada kesan *El Nino* dalam tempoh setengah tahun pertama dan kemungkinan akibat dari kesan *La Nina* dalam tempoh setengah tahun kedua tahun ini. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, pengeluaran minyak kelapa sawit merosot sebanyak 8.4% kepada 5.29 juta tan metrik (Januari – Ogos 1997: 5.77 juta tan metrik). Bagi tahun 1998 secara keseluruhannya, pengeluaran dijangka menurun sebanyak 8% kepada 8.33 juta tan metrik meskipun peningkatan dalam keluasan tanaman daripada Sabah. Kesan daripada lawas pokok dan juga keadaan cuaca, telah

Jadual 4.6**Keluasan Tanaman dan Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit**

	1997	% Perubahan	1998 ^a	% Perubahan
Keluasan Tanaman ('000 hektar)	2,819	4.7	2,893	2.6
Keluasan matang ('000 hektar)	2,455	4.3	2,513	2.4
Pengeluaran ('000 tan metrik) Minyak Kelapa Sawit	9,062	8.1	8,337	-8.0
Minyak Isirong Kelapa Sawit	1,165	5.2	1,050	-9.8
Penghasilan (tan metrik/hektar)	19.10	0.8	19.05	-0.3

* Anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama

menurunkan hasil bagi setiap hektar bagi tangkai buah segar sebanyak 0.3% kepada 19.05 tan metrik setiap hektar (1997: 19.10 tan metrik setiap hektar).

Jumlah keluasan tanaman pokok kelapa sawit dijangka meningkat sebanyak 2.6% atau 74,000 hektar kepada 2.893 juta hektar dalam tahun 1998 (1997: 2.819 juta hektar). Peningkatan dalam keluasan tanaman ialah dari Sabah dan Sarawak sebanyak 68,657 hektar atau 75.8% daripada tambahan keluasan tanaman. Walau bagaimanapun, Semenanjung Malaysia akan terus menjadi penyumbang utama dengan pengeluaran sebanyak 5.98 juta tan metrik (72%), diikuti oleh Sabah, 2.03 juta tan metrik (24.5%) dan Sarawak, 290,000 tan metrik (3.5%).

Selari dengan penurunan pengeluaran minyak kelapa sawit, pengeluaran **minyak isirong kelapa sawit** dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998 jatuh sebanyak 5.1% kepada 0.697 juta tan metrik berbanding tempoh yang sama pada tahun 1997 (Januari – Ogos 1997: 0.735 juta tan metrik). Bagi keseluruhan tahun 1998, adalah dijangkakan pengeluaran minyak isirong kelapa sawit akan merosot sebanyak 9.8% kepada 1.05 juta tan metrik dalam tahun 1998 (1997: 1.16 juta tan metrik).

Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), yang merupakan pusat penyelidikan minyak kelapa sawit terunggul di dunia, terus menghasil dan membangunkan produk baru minyak kelapa sawit. Antara hasil penyelidikan yang terbaru yang ditemui ialah *chromosome painting in oil palm hybrid*. Kebanyakan pokok kelapa sawit yang ditanam di negara ini ialah jenis OXG, yang dihasilkan daripada cantuman *Eleais guineensis* dengan *Eleais deifera*. Kelebihan OXG ialah kandungan minyak yang tidak pekat yang tinggi dan kadar pokok mencapai ketinggiannya yang perlahan. Walau bagaimanapun, kacukan (hybrid) ini tidak dapat mengeluarkan hasil minyak yang tinggi. Bagi mengatasi masalah ini, PORIM telah menggunakan proses yang dipanggil "*Genomic In Situ Hybridization*" bagi mencantumkan kacukan yang ada dengan *E. guineensis*. Semenjak pertengahan tahun 1998, PORIM juga menghasilkan sejenis produk minyak kelapa sawit yang menjanjikan penggunaan minyak kelapa sawit yang lebih meluas. Ianya ialah *Palm Oil Pourable Margarine* yang mengandungi 80% lemak dan 20% bahan lain. Pada masa sekarang, margarin atau mentega dibungkus dalam katun, tin, sejalur atau bungkusan dan mungkin tidak sesuai bagi sesetengah aplikasi. Penemuan baru dalam bentuk cair, membuatnya lebih sesuai bagi kegunaan seperti untuk membuat roti dan kek.

Kayu Kayan

Pengeluaran **kayu balak** dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998 merosot sebanyak 20.6% atau 13.38 juta meter padu berbanding 16.86 juta meter padu yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Bagi tahun 1998 secara keseluruhannya, pengeluaran kayu balak dijangka merosot sebanyak 15% kepada 23.72 juta meter padu, sebahagiannya disebabkan oleh permintaan yang berkurangan. Dalam perkara ini, ia mencerminkan polisi Kerajaan dalam pengurusan hutan yang berkekalan supaya dapat memastikan terdapatnya penawaran kayu balak dimasa hadapan. Kebanyakan kemerosotan pengeluaran kayu balak ialah daripada Sarawak, dimana pengeluaran dijangka merosot sebanyak 4.8 juta meter padu, dengan pengurangan yang sedikit daripada Semenanjung Malaysia dan Sabah. Kemerosotan yang besar di Sarawak adalah disebabkan permintaan yang berkurangan bagi kayu balak dan produk kayu kayan daripada

pasaran tradisional seperti Korea Selatan, Thailand, Hong Kong dan Jepun yang telah terjejas akibat kesan daripada krisis kewangan serantau. Di Semenanjung Malaysia, pengurangan pengeluaran yang beransur bagi kayu balak ialah untuk memenuhi polisi hutan berkekalan. Di Sabah, pengurangan adalah disebabkan lesen pembalakan tidak diperbaharui apabila tamat tempohnya bagi memperlahankan kehabisan kawasan hutan semulajadi. Dari segi sumbangan kayu balak mengikut kawasan, Sarawak dijangka menyumbang 12.2 juta meter padu atau 51.5% daripada jumlah keseluruhan manakala Semenanjung Malaysia dijangka menyumbang 7.1 juta meter padu atau 30% dan Sabah, selebihnya iaitu 4.4 juta meter padu atau 18.5%.

Getah

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, pengeluaran getah merosot sebanyak 14.2% kepada 480,234 tan metrik (Januari-Julai 1997: 559,741 tan metrik) disebabkan oleh pengeluaran yang rendah dari sektor perladangan dan pekebun kecil. Bagi tahun 1998 secara keseluruhannya, pengeluaran dijangka menurun sebanyak 7.3% kepada 900,000 tan metrik (1997: 971,082 tan metrik). Kemerosotan pengeluaran ini disebabkan penurunan kawasan getah, kekurangan tenaga buruh dan harga yang tidak menarik walaupun hasil sehektar bagi perladangan dan pekebun kecil bertambah baik dengan peningkatan tanaman dengan klon yang berkualiti tinggi.

Jumlah keluasan yang ditanam dengan getah dalam tahun 1998 dijangka menurun sebanyak 0.9% kepada 1.620 juta hektar (1997: 1.635 juta hektar). Daripada 15,000 hektar yang tidak lagi ditanami pokok getah sebahagian besar telah ditukar kepada tanaman lain seperti pokok kelapa sawit dan kegunaan alternatif lain seperti perumahan. Sebahagian besar daripada jumlah ini (12,000 hektar) ialah daripada Semenanjung Malaysia. Penukaran kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan pada tahun ini ialah daripada sektor pekebun kecil.

Selain daripada harga yang merosot, industri getah di Malaysia juga menghadapi kenaikan kos. Sebagai contoh, hasil daripada penyusutan nilai ringgit, kos baja telah meningkat sebanyak 30%. Ini memberi kesan yang kurang baik dari segi implikasi terhadap daya saing industri getah

Jadual 4.7

Keluasan Tanaman Getah, Hasil dan Pengeluaran

	1997	% Perubahan	1998 ^a	% Perubahan
Keluasan Tanaman ('000 hektar)				
Kebun Kecil	1,417.4	-0.5	1,404.5	-0.9
Estet	217.6	-12.2	215.5	-1.0
Hasil¹ (kg./hektar)				
Kebun Kecil	965	-1.0	989	2.5
Estet	1,118	-2.4	1,140	2.0
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Kebun Kecil	755	-10.5	702	-7.0
Estet	216	-9.2	198	-8.3
% daripada pengeluaran dunia	15.2		13.7	
¹ Semenanjung Malaysia sahaja.				
^a Anggaran				
Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan				

tersebut. Adalah dianggarkan penggunaan baja merangkumi 20% daripada kos bagi tanaman getah muda dan 34% bagi tanaman getah yang matang. Bagi menangani kesan kenaikan harga baja, Lembaga Getah Malaysia telah meningkatkan penyelidikan kearah memperkenalkan penggunaan baja yang terbaik bagi tanaman getah yang muda dan matang.

Pertanian Lain, Ternakan dan Perikanan

Pengeluaran **koko** dijangka menurun sebanyak 15.5% kepada 89,600 tan metrik dalam tahun 1998, terutamanya disebabkan oleh fenomena *El Nino* yang mendatangkan cuaca kemarau dan kering ke kawasan tanaman koko utama di Sabah. Keadaan ini juga memberi kesan kepada jumlah keluasan tanaman koko yang mana dijangka berkurangan sebanyak 4.3% kepada 150,000 hektar dalam tahun 1998 (1997: 156,738 hektar). Bagi meningkatkan prospek industri koko, langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Koko Malaysia

termasuklah memperluaskan program pemulihan terutama dikalangan pekebun kecil, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (P&P), menggalakkan aktiviti hiliran dan membangunkan kemudahan kearah menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi pemprosesan dan dagangan produk koko.

Pengeluaran lada hitam dalam tahun 1998 dijangka meningkat sebanyak 1.1% kepada 20,000 tan metrik disebabkan oleh penyelenggaraan tanaman yang lebih cekap dan juga peningkatan keluasan tanaman, di samping kenaikan harga lada hitam yang menarik. Purata pengeluaran setiap hektar dijangka meningkat sebanyak 8% kepada 1.88 tan metrik setiap hektar (1997: 1.74 tan metrik setiap hektar). Pada masa sekarang, terdapat seramai 58,000 keluarga yang terlibat dalam penanaman lada dengan jangkaan purata pendapatan bersih sebanyak RM24,125 setiap hektar. Bagi menggalakkan lagi industri lada hitam, beberapa langkah telah diambil termasuk menggiatkan lagi P&P bagi meningkatkan nilai ditambah produk lada hitam dan penggunaannya,

memperkenalkan pasaran hadapan fizikal lada hitam dan skim penimbal bagi petani dan juga menggalakkan jualan terus kepada pengguna akhir.

Sektor Perlombongan

Pertumbuhan keluaran daripada sektor perlombongan dijangka merosot sedikit sebanyak 0.8% dalam tahun 1998. Ini sebahagian besarnya disebabkan berkurangnya pengeluaran tembaga, gas dan kuari yang mana iannya tidak dapat mengimbangi peningkatan pengeluaran minyak mentah dan timah. Pengeluaran tembaga daripada Perlombongan Tembaga Mamut di Sabah yang terdapat beberapa tahun lagi rizabnya, dijangka menurun lagi sebanyak 30.6% kepada 56,000 tan metrik (1997: 80,675 tan metrik). Pengeluaran gas asli dijangka merosot sedikit dalam tahun 1998 disebabkan oleh permintaan yang lemah bagi gas asli cecair (LNG) daripada negara-negara pengimportan utama seperti Korea Selatan, Taiwan dan Jepun akibat dari kesan kegawatan ekonomi.

Petroleum Mentah dan Gas

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998, pengeluaran minyak mentah meningkat sebanyak 1.5% kepada 729,783 tong sehari (tsh) berbanding 719,000 tsh dalam tempoh yang sama tahun 1997. Bagi keseluruhan tahun 1998, pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat sebanyak 0.6% kepada 718,300 tsh daripada 714,300 tsh yang dicatatkan pada tahun 1997. Peningkatan ini berdasarkan pada rancangan kerja pengeluaran Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS). Dari jumlah pengeluaran dalam tahun 1998, Semenanjung Malaysia menyumbang sebanyak 58.5% atau 420,400 tsh daripada 16 telaga minyak, manakala Sarawak menyumbang 205,500 tsh atau 28.6% daripada 13 telaga minyak dan Sabah menyumbang pengeluaran sebanyak 92,400 tsh atau 12.9% daripada pengeluaran nasional daripada 8 telaga minyak. Dari segi bilangan telaga minyak eksplorasi, 12 telah di gali pada tahun 1997 dan tujuh dalam tahun 1998 sehingga Jun 1998. Bagi telaga pembangunan dan pengeluaran, 21 telaga minyak telah di gali pada tahun 1997 dan 25 telaga minyak di gali dalam tahun 1998 sehingga Jun 1998. Sejumlah 32,851 kilometer

Jadual 4.8

Pengeluaran Tanaman Lain, Ternakan dan Perikanan ('000 tan metrik)

	1997	% Perubahan	1998 ^a	% Perubahan
Padi	1,849	-4.8	1,764	-4.6
Koko	106.0	-11.7	89.6	-15.5
Lada Hitam	18.0	46.3	20.0	11.1
Nanas	119.8	-1.7	123.1	2.8
Tembakau ¹	99.7	1.9	110.0	10.3
Buah-buahan ²	1,174	9.9	1,195	1.8
Perikanan ³	1,131	-1.4	1,166	3.1
Ternakan ⁴	894.6	3.5	932.4	4.2

¹ Daun tembakau hijau.

² Mengandungi tujuh jenis buah-buahan utama iaitu durian, belimbing besi, jambu batu, rambutan, manggis, pisang dan betik.


³ Pendaratan ikan laut

⁴ Termasuk daging lembu/kerbau, daging ayam, daging kambing dan daging khinzir.

^a Anggaran

Sumber: Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama

Carta 4.3
Indeks Pengeluaran Perlombongan
(1987 = 100)



Jadual 4.9

Pengeluaran Petroleum Mentah dan Gas

	1997		1998 ^a	
	Jumlah	% Perubahan	Jumlah	% Perubahan
Petroleum mentah (tsh) ¹	714,300	-0.2	718,300	0.6
Gas asli (mmscf/d) ²	3,897	15.7	3,858	-1.0

¹ Termasuk condensate

² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

^a Anggaran

Sumber: PETRONAS

menggunakan 846 standard juta padu sehari (mmscfd) atau 72.4% daripada keseluruhan penggunaan tempatan, diikuti sektor industri sebanyak 185.8 mmscfd atau 15.9%, manakala selebihnya untuk eksport. Berdasarkan pada kadar pengeluaran sekarang, rizab gas asli dijangka boleh bertahan selama 40 tahun lagi.

data sesemik telah diperolehi bagi pembangunan dan eksplorasi oleh PETRONAS CARIGALI bagi memperluaskan lagi pengeluaran minyak dan gas di Malaysia. Dalam tahun 1998, sehingga Jun, dua kontrak pengeluaran bersama (PSC) telah ditandatangani sementara sembilan PSC ditandatangani pada tahun 1997.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998, pengeluaran **gas asli** menurun sebanyak 0.3% kepada 706,901 standard juta kaki padu (mmscf) daripada 708,679 mmscf dalam tempoh yang sama tahun 1997. Bagi keseluruhan tahun, pengeluaran dijangka merosot sebanyak 1% kepada 1,408,240 mmscf (1997: 1,422,466 mmscf) terutama disebabkan oleh permintaan luaran yang lemah bagi gas asli cecair (LNG) daripada Korea Selatan. Walau bagaimanapun, penggunaan tempatan meningkat sebanyak 2.8% berikutan siapnya projek penggunaan gas Semenanjung III (PGU III) pada Disember 1997, yang meliputi 450 kilometer daripada Meru di Selangor hingga ke Pauh di Perlis. Sektor-sektor yang menggunakan gas asli secara meluas ialah disektor tenaga yang

Timah

Bagi pertama kalinya sejak 1972, pengeluaran **bijih timah** dijangka meningkat dalam tahun 1998. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1998, pengeluaran bijih timah meningkat sebanyak 5.2% kepada 2,855 tan metrik (Januari – Jun 1997: 2,713 tan metrik). Adalah dijangkakan bagi keseluruhan tahun 1998, pengeluaran timah dijangka meningkat sebanyak 6.7% kepada 5,400 tan metrik (1997: 5,065 tan metrik). Pengeluaran yang meningkat ini didorong oleh peningkatan harga timah sebanyak 52.3% daripada RM14.20 sekilogram pada tujuh bulan pertama tahun 1997 kepada RM21.62 sekilogram dalam tempoh yang sama tahun 1998. Walaupun tiada peningkatan bilangan lombong yang beroperasi, peningkatan pengeluaran dicapai melalui penambahan bilangan jam bekerja lebih masa dan penambahan skel pengeluaran, meskipun bilangan lombong timah yang beroperasi sehingga Jun 1998 merosot sebanyak 2.3% kepada 84 lombong, daripada 86 lombong yang beroperasi dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Jadual 4.10

**Pengeluaran, Bilangan Lombong
dan Perkerjaan Dalam Industri
Perlombongan Timah**

	1997	% Perubahan	1998*	% Perubahan
Pengeluaran (’000 tan metrik)	5.1	-2.2	5.4	6.7
Bilangan lombong*	86	7.5	84	-2.3
Kapal korek*	3	-40.0	1	-66.7
Pam kelikir*	19	0.0	19	0.0
Didah dan lombong bawah tanah *	64	6.3	64	0.0
Bilangan pekerja*	4,743	128.8	4,340	-8.5

* Pada akhir Jun 1998 dan Jun 1997.

* Anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama.

Sektor Pembinaan

Nilai ditambah **sektor pembinaan** dianggarkan merosot dengan mendadak sebanyak 19.2% dalam tahun 1998 (1997: +9.5%), mencerminkan pembinaan baru yang sangat rendah dalam beberapa segmen pasaran harta yang mengalami lebih penawaran serta penyiapan projek-projek infrastruktur utama. Kesukaran untuk memperolehi pinjaman untuk pembinaan dan pinjaman bagi pembelian harta, kadar bunga yang tinggi sebelum September 1998 dan hakisan kekayaan kewangan penduduk kerana kejatuhan mendadak dalam harga saham merupakan faktor utama yang menyumbang kepada pembinaan yang perlahan dalam tahun 1998. Langkah berjaga-jaga yang diambil oleh bakal pembeli dalam menghadapi kejatuhan harga hartanah selanjutnya juga telah mempengaruhi permintaan untuk hartanah. Di dalam situasi permintaan yang lemah, pemaju-pemaju terpaksa menangguhkan pembinaan baru.

Bagi **sektor bukan kediaman**, kelembapan terdapat dalam aktiviti-aktiviti pembinaan bangunan perniagaan bertingkat tinggi terutama ruang pejabat dan ruang runcit serta hotel-hotel, memandangkan terdapat lebih penawaran bagi segmen hartanah ini kerana lebih pembinaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Berdasarkan penawaran

semasa dan projek-projek yang baru disiapkan, ruang pejabat dijangka meningkat dalam lingkungan satu juta meter persegi (m.p) atau 13.9% di Malaysia kepada jumlah 8.5 juta m.p dalam tahun 1998. Memandangkan peningkatan penawaran mengatasi keadaan permintaan yang lemah, kadar penginapan dijangka merosot kepada 82.2% dalam tahun 1998 berbanding 94.6% pada akhir tahun 1997. Di antara bangunan-bangunan utama yang sedang dibina di Kuala Lumpur ialah Menara II Capital Square, Duta Plaza, Bandar Wawasan dan Pasifik Bank, sementara di Selangor ialah Damansara Fairway dan Subang Twin Business Centre. Dengan keadaan lebih penawaran yang sedia ujud adalah tidak begitu menggalakkan kepada pemaju-pemaju untuk memulakan projek-projek baru bagi ruang pejabat memandangkan kos pegangan yang tinggi. Kadar sewa yang rendah di antara 10 – 30% berbanding tahun 1997 mencerminkan kesan lebih penawaran dalam keadaan permintaan yang lemah bagi ruang pejabat. Di kawasan utama Kuala Lumpur seperti di Kawasan Segi Tiga Emas (Golden Triangle) kadar sewa di antara RM40 – 70 semeter persegi (s.m.p) manakala pejabat di kawasan pinggir bandar kadar sewa antara RM26-RM43 s.m.p. pada bulan September 1998.

Ruang runcit dan kompleks perniagaan juga menerima kesan dari keadaan lebih penawaran dengan jumlah ruangan lebih kurang 3.9 juta di seluruh negara. Kesannya, kadar penghunian ruang runcit dan kompleks perniagaan di bandar-bandar utama di seluruh negara umumnya merosot. Contohnya, kadar penghunian semasa ruang runcit di Kuala Lumpur di antara 75% dalam bulan September tahun 1998 daripada jumlah ruangan 969,100 meter persegi. Pada akhir tahun 1997, kadar penghunian jauh lebih tinggi, iaitu pada kadar 91%. Kadar penghunian di beberapa negeri seperti Selangor merosot kepada 39%, Perak 88% dan Pulau Pinang 67% dibandingkan dengan kadar penghunian ialah 89%, 94% dan 88% masing-masing dalam tahun 1997. Dengan tambahan 2.3 juta m.p. luas lantai bersih dianggarkan ke atas ruangan sedia ada ruang runcit dan kompleks perniagaan, apabila projek-projek di dalam pembinaan pada masa ini disiapkan tahun hadapan, kemungkinan kadar penghunian yang rendah dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu telah menghalang permulaan pembinaan ruang runcit dan kompleks perniagaan sepanjang tahun 1998.

Situasi lebih penawaran juga mempengaruhi industri perhotelan. Bilangan hotel-hotel baru yang akan beroperasi dalam tahun 1998 dijangka meningkat sebanyak 142 buah. Daripada jumlah hotel-hotel yang disiapkan, 53 adalah hotel bertaraf lima bintang. Dengan pertambahan hotel baru, kira-kira 1,507 hotel dijangka terdapat di Malaysia pada akhir tahun 1998. Kadar penginapan bilik hotel dalam setengah tahun pertama 1998 merosot kepada 49.8% (Januari-Jun 1997: 57.6%). Keadaan ini tidak menggalakkan pembinaan baru dalam industri perhotelan. Kebanyakan aktiviti pembinaan di dalam sektor perhotelan berkaitan dengan projek-projek yang belum disiapkan seperti Dorsett Regency (Jalan Imbi), Hotel Chendana (Jalan Conlay) dan Duta Hyatt Kuala Lumpur (Segitiga Emas) di Lembah Klang, Hotel Harbour Place dan Hotel Marriot (Klang) di Selangor dan Hotel Sutera Harbour Business dan Kinabalu Ramada Renaissance di Sabah. Pembangunan terkini pembinaan hotel lebih menjurus kepada pembinaan hotel bersaiz kecil iaitu mengandungi kurang dari 300 bilik. Dalam tahun ini 21 buah hotel berkaitan akan disiapkan di Kuala Lumpur dan 14 di Pulau Pinang dan Johor.

Pembinaan kawasan perindustrian merosot dalam tahun 1998, memandangkan pelabur-pelabur menanggukkan pembesaran kilang-kilang mereka dan pembinaan kilang-kilang baru dalam suasana perniagaan yang kurang menggalakkan. Sebahagian dari bilangan pembinaan baru yang rendah dalam segmen hartanah ini dicerminkan oleh kemerosotan 24.6% dalam bilangan projek-projek yang diluluskan oleh MIDA sepanjang tahun 1997 dan 7.8% dalam tujuh bulan pertama 1998. Dalam setengah tahun pertama 1998, hanya 4,948 unit harta industri dilancarkan dengan 17,519 unit lagi masih di dalam perancangan. Selangor melancarkan unit yang paling tinggi iaitu 4,051 dan kira-kira 7,606 unit yang dirancang untuk dilaksanakan. Di antara estet industri yang dibangunkan setakat ini di sepanjang tahun 1998 ialah Taman Teknologi Sunway Damansara. Taman Industri Bersatu Mah Sing dan Zon Teknologi Pelabuhan Utara. Lain-lain kawasan pembangunan ialah di Pulau Indah dan Banting di daerah Kuala Langat, Selangor yang mana juga akan menempatkan Projek Besi Mega berharga RM2 bilion. Di Seremban, kawasan-kawasan industri di dalam pembinaan ialah di Taman Industri Nilai Utara dan Estet Industri Nilai 3. Di Melaka,

pembinaan fasa 1 cadangan bandar 'vendor' Taboh Naning/Simpang Empat mengandungi lebih 800 hektar telah dimulakan dan kerja-kerja tanah dalam tahun 1997 dan masih dilaksanakan.

Sebagaimana sektor-sektor lain di dalam industri pembinaan, aktiviti pembinaan **sektor kediaman** juga menerima kesan dari kelembapan ekonomi. Ini dicerminkan dari kejatuhan dan jumlah transaksi dan jumlah nilai transaksi dalam tahun 1998. Dalam lapan bulan pertama tahun 1998, 84,660 transaksi berjumlah RM9.5 bilion dilakukan, berbanding 117,645 transaksi bernilai RM14.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997. Ini menunjukkan 28% kejatuhan dalam jumlah transaksi dan 34.8% dalam nilai transaksi. Aktiviti pembinaan yang perlahan dalam sektor kediaman juga dicerminkan dari kemerosotan 26.3% dalam bilangan lesen baru dan 26.0% dalam bilangan permit iklan dan jualan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dilihat dari permintaan yang perlahan dalam hartanah kediaman, sebahagian dari pemaju-pemaju samada menanggukkan projek mereka atau mengurangkan saiz projek. Kemerosotan dalam projek pembinaan baru dalam sektor kediaman sebahagian besarnya adalah bagi kondominium dan hartanah berharga tinggi. Kesan dari kurang permintaan, sesetengah pemaju menghadapi masalah lebih stok dalam hartanah ini. Untuk mengurangkan stok, mereka memperkenalkan beberapa skim untuk menarik pembeli seperti memberikan masa yang lebih lama sebelum mereka membuat bayaran ansuran. Keseluruhannya pasaran harta kediaman yang sederhana dicerminkan dari 9.3% kejatuhan Indeks Harga Rumah Malaysia dalam tempoh separuh pertama tahun 1998 berbanding separuh kedua tahun 1997. Indeks harga bagi rumah teres jatuh sebanyak 5.1%, rumah sesebuah 10.2%, rumah berkembar 6.7% sementara unit bertingkat tinggi 5.6%.

Walau bagaimanapun, bagi rumah kos rendah dan sederhana, jumlah pembinaan baru dianggarkan terus kekal dalam tahun 1998 memandangkan permintaan untuk rumah ini kekal kukuh. Justeru, kebanyakan dari projek-projek baru yang dilancarkan dalam tahun 1998 terdiri dari rumah kos rendah dan sederhana. Daripada 90,184 unit rumah dibina dalam separuh pertama tahun 1996, 26.1% adalah rumah kos rendah, manakala 43% adalah rumah kos sederhana. Permintaan yang kukuh bagi rumah jenis ini, sebahagiannya

disumbangkan oleh kemudahan yang lebih baik dalam pinjaman pembelian rumah berharga RM150,000 ke bawah. Tambahan pula, gadaian yang lebih rendah iaitu 9% untuk unit kediaman berharga RM100,000 ke bawah telah menggalakkan permintaan untuk rumah kos rendah dan sederhana. Berikutan itu, 76.2% daripada semua rumah yang dijual dalam separuh pertama tahun 1998 adalah di bawah RM150,000 berbanding 73.8% untuk tempoh yang sama tahun lepas. Menunjukkan permintaan yang kukuh bagi rumah jenis ini, purata harga rumah yang dipindahmilik dalam separuh pertama tahun 1998 meningkat 14.2% kepada RM78,000 se unit daripada RM68,300 seunit dalam tempoh yang sama tahun lepas. Sebaliknya, hartanah kediaman yang berharga melebihi RM150,000 merosot dari segi harga seunit kepada RM248,687 seunit dalam separuh pertama tahun 1998 daripada RM272,189 seunit dalam tempoh yang sama tahun 1997. Permintaan yang sederhana juga membawa kepada kejatuhan 10.9% dalam unit rumah yang dibina oleh sektor swasta dalam tempoh separuh pertama tahun 1998 kepada 90,184 unit rumah (Januari-Jun 1997: 101,225 unit).

Projek pembinaan baru rumah kos rendah dan sederhana dalam tahun 1998 juga dipengaruhi berbagai inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan keperluan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah. Ini termasuk peruntukan RM600 juta di bawah Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin. Di bawah Tabung ini, sejumlah 19 projek yang mengandungi 9,232 unit rumah telah disiapkan pada akhir Ogos 1998. Tabung lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah RM500 juta Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah, yang mana 39 projek telah disiapkan manakala 22 projek berada di dalam peringkat pembinaan. Sehingga Ogos 1998, sejumlah RM302.9 juta telah dikeluarkan dari Tabung ini kepada pemaju-pemaju. Di bawah Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah, yang mana satu lagi tabung yang telah diwujudkan oleh Kerajaan, 83,701 unit termasuk kos sederhana dan tinggi akan dibina dalam tahun 1998 yang mana 4,674 unit telah dilaksanakan dan akan disiapkan dalam tahun 1998. Sebanyak 39,900 unit lagi berada di dalam berbagai peringkat pembinaan. Dalam bulan Mei 1998, Kerajaan telah menubuhkan Skim Khas untuk Rumah Kos Rendah dan Sederhana bernilai RM2 bilion. Di bawah skim ini, pemaju-pemaju boleh mendapatkan kemudahan pinjaman dimana sehingga

25 September 1998 sebanyak 131 permohonan telah diterima. Projek baru pembinaan rumah kos rendah juga dilaksanakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam meneruskan penyediaan rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah. Sehingga Ogos 1998, 10,576 unit rumah telah disiapkan dan sebanyak 22,343 unit lagi berada di dalam berbagai peringkat pembinaan. Di bawah Program Pemulihan Rumah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, penduduk-penduduk di kawasan luar bandar berkelayakan menerima bantuan RM6,000 untuk membina rumah atau memperbaiki rumah mereka.

Nilai ditambah sektor pembinaan dalam tahun 1998 disokong oleh pembangunan Putrajaya dan 'Cyberjaya' yang sedang dilaksanakan. Kedua-dua 'bandar bestari' ini berada di dalam kawasan Koridor Raya Multimedia iaitu 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang daripada pusat bandar Kuala Lumpur di utara dan Lapangan Terbang Antarabangsa di selatan.

Putrajaya merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan pada masa hadapan. Fasa 1 yang mengandungi bangunan Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Perdana Menteri dijadualkan untuk disiapkan pada akhir tahun ini atau Januari 1999. Kemudahan-kemudahan sokongan seperti Masjid Putra, dua sekolah bistari, klinik kesihatan, balai polis, balai bomba, perpustakaan, pasar, dewan masyarakat dan kedai sedang dilaksanakan dan akan disiapkan dalam tempoh yang sama beserta dengan 1,758 rumah kakitangan yang dirancang untuk disiapkan pada akhir tahun 1999. Untuk menjadikannya sebagai bandar taman, dua taman awam iaitu Taman Pertanian Putrajaya dan Taman Putera Perdana, sedang dibangunkan untuk disiapkan sebahagiannya pada akhir tahun 1999. Cyberjaya yang terletak di lokasi bersebelahan Putrajaya yang meliputi 7,000 hektar, sedang dibangunkan sebagai 'bandar pintar' dengan perusahaan multimedia, pusat R&D, Universiti Multimedia dan ibu pejabat operasi untuk multinasional yang akan mengendalikan aktiviti perkilangan dan perdagangan sedunia menggunakan teknologi multimedia. Di antara projek-projek yang telah disiapkan di Cyberjaya ialah pejabat untuk pemaju, Cyberview Sdn. Bhd. dan ibu pejabat Multimedia Development Corporation. Pada masa ini beberapa projek yang sedang dibina termasuk 60 unit pangsapuri, Universiti Multimedia, Penyelidikan NTT dan Pusat

Pembangunan, Kompleks IT Telekom, Kilang Penyejuk Daerah, Kompleks Pejabat Inkubator yang dijadual untuk disiapkan dalam tahun 1998 atau pada awal 1999.

Berikutan penyiapan projek-projek infrastruktur utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Kompleks Sukan Komanwel, aktiviti pembinaan dalam **sektor kejuruteraan sivil** perlahan dengan ketara. Walau bagaimanapun, kerja-kerja sivil yang berkaitan dengan pembangunan Sistem Transit Aliran Ringan, Stesen Sentral Kuala Lumpur, Lingkaran Rel Ekspres dan Sistem Monorel Kuala Lumpur, pembangunan pelabuhan seperti pembesaran Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Tanjung Pelepas dan laluan ekspres seperti Lebuhraya KL-KLIA, Lebuhraya Cheras-Kajang dan Lebuhraya Pantai Baru telah membantu mengurangkan kejatuhan aktiviti-aktiviti pembinaan dalam sektor infrastruktur dalam tahun 1998. Peruntukan tambahan RM7 bilion untuk perbelanjaan pembangunan baru-baru ini akan membawa kepada permulaan pembinaan yang baru bagi projek-projek kecil infrastruktur seperti pembinaan jalan, jambatan serta pendidikan, kesihatan dan kemudahan pertanian dalam tahun 1998.

Sektor Perkhidmatan

Aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkurangan, pendapatan benar yang lebih rendah dan perdagangan luar yang muram merupakan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan dan juga keluaran sektor perkhidmatan. Kesannya, nilai ditambah **sektor perkhidmatan** dijangka berkembang dengan kadar yang ketara lebih perlahan sebanyak 2.1% dalam tahun 1998 (1997: 8%). Ke semua sektor kecil perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan sederhana dalam nilai ditambah kecuali sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran yang mengalami penguncupan dalam tahun 1998. Sektor-sektor kecil di dalam sektor perkhidmatan yang merekodkan pertumbuhan yang melebihi pertumbuhan purata adalah sektor kecil elektrik, gas dan air yang menyediakan sebahagian besar perkhidmatan asas yang utama, serta sektor kecil perkhidmatan berkaitan kewangan. Memandangkan hanya sektor perkhidmatan yang merupakan sektor utama yang mencatatkan peningkatan nilai ditambah dalam tahun 1998, sumbangannya kepada KDNK dijangka meningkat pada kadar 48.1% dalam tahun 1998 (1997: 44.9%).

Jadual 4.11

Prestasi Sektor Perkhidmatan Pada Harga Tetap Tahun 1978 (%)

Sektor Kecil	Sumbangan Kepada KDNK		KadarPertumbuhan Tahunan	
	1997	1998 ^a	1997	1998 ^a
Elektrik, Gas dan Air	2.5	2.8	13.0	7.0
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	7.5	8.1	8.4	2.9
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel dan Restoran	12.3	12.7	7.0	-1.4
Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	11.5	12.6	9.5	4.1
Perkhidmatan Kerajaan	9.0	9.7	6.1	2.4
Perkhidmatan-Perkhidmatan				
Lain	2.0	2.2	7.2	1.5
JUMLAH	44.9	48.1	8.0	2.1
^a Anggaran				

Akibat dari aktiviti-aktiviti perdagangan dan ekonomi dalam negeri yang perlahan, perkhidmatan yang disediakan oleh **sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan** dijangka meningkat pada kadar yang lebih sederhana iaitu 2.9% dalam tahun 1998 (1997: 8.4%). Pertumbuhan sederhana dalam sektor pengangkutan dicerminkan dalam nilai ditambah industri-industri perkhidmatan pengangkutan udara, darat dan laut. Dalam industri pengangkutan udara, nilai ditambah sebahagiannya dicerminkan dari 7.6% peningkatan hasil Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Hasil yang dikutip oleh MAS dari pengendalian penumpang meningkat sebanyak 6.3% kepada RM3,018.7 juta sementara daripada pengangkutan kargo meningkat sebanyak 14.3% kepada RM586.0 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Ini berikutan peningkatan dalam perkhidmatan nilai ditambah ekor

Jadual 4.12

**Petunjuk-Petunjuk Prestasi Pertumbuhan
Untuk Pengangkutan, Penyimpanan,
Telekomunikasi, Elektrik dan
Bekalan Air
(% perubahan tahunan)**

	<i>Januari-Julai</i>	
	1997	1998
Penerbangan Malaysia		
Hasil Kargo	13.2	14.3
Hasil Penumpang	8.2	6.3
KTM Berhad		
Hasil Kargo	-10.6	-4.9
Hasil Penumpang	25.3	4.9
Lapan Pelabuhan Utama		
Pengendalian kargo	12.0	-12.1
Kargo Kontena	19.9	-0.1
Syarikat Telekom Malaysia Berhad¹		
Jumlah pengguna	10.7	10.1
Pengguna telefon mudahalih ²	24.7	8.8
Tenaga Nasional Berhad		
Penggunaan elektrik	14.9	7.2
Penjanaan letrik ³	14.0	4.0
Jabatan Kerja Raya		
Penggunaan air	9.6	2.3
Bekalan air ³	7.8	3.4

¹ pada akhir tempoh

² termasuk Telekom, Celcom, Mobikom, Binariang dan Mutiara Telecom.

³ untuk seluruh tahun, TNB dan IPP.

Sumber: MAS, KTM, pelbagai pelabuhan, TMB, TNB dan JKR.

peningkatan dalam jumlah penerbangan antara Malaysia dan Eropah dan sebahagiannya dari kesan penurunan nilai ringgit dalam pendapatan yang diperolehi dalam matawang-matawang utama dunia. Bagaimanapun pendapatan MAS dalam tujuh bulan pertama tahun 1998 terjejas oleh kejatuhan dalam bilangan pelancong ke Malaysia dalam tempoh

tersebut terutamanya pelancong yang datang dari Asia Timur yang terjejas oleh krisis kewangan. Keadaan ini dapat dilihat dari jumlah penumpang yang dikendalikan oleh MAS telah merosot sebanyak 12.7% kepada 8 juta penumpang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: +8.7%). Akibat dari perdagangan luar negeri yang rendah terutama import, jumlah kargo yang dikendalikan oleh penerbangan tempatan merosot sebanyak 9.7% (Januari-Julai 1997: +10.6%). Ketibaan pelancong dalam lima bulan berikutnya dijangka pulih, kerana penganjuran Sukan Komanwel dalam bulan September. Bagi keseluruhan tahun 1998, ketibaan pelancong dijangka meningkat sebanyak 11.3% mencapai 6.9 juta orang. Ini merupakan sumbangan positif nilai ditambah industri pengangkutan udara pada tahun ini. Dari segi pengangkutan darat, industri perkhidmatan keretapi menerima kesan dari kelembapan ekonomi. Contohnya, pengendalian kargo oleh KTM merosot sebanyak 6.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 manakala hasil kargo merosot sebanyak 4.9%. Namun begitu, melalui peningkatan dalam kemudahan-kemudahan terutamanya keretapi komuter, bilangan penumpang yang dibawa oleh KTM meningkat 21.1% dalam tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 33.8%) sementara hasil yang dikutip meningkat sebanyak 4.9% (Januari-Julai 1997: 25.3%). Data dari penumpang komuter untuk bulan September, apabila diperolehi, akan menunjukkan peningkatan angka yang lebih tinggi memandangkan peningkatan jumlah penumpang dalam tempoh Sukan Komanwel diadakan.

Nilai ditambah industri perkhidmatan pengangkutan laut telah dipengaruhi oleh jumlah perdagangan antarabangsa yang lebih rendah dalam tahun 1998. Jumlah kargo yang dikendalikan oleh lapan pelabuhan utama di negara ini berkurangan sebanyak 12.1% kepada 76.7 juta muatan berat tan (fwt) sepanjang tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: +12.0%, 87.3 fwt) sementara kargo kontena yang dikendalikan merosot sedikit pada kadar 0.1% kepada 1.67 juta unit setara 20 kaki (TEUs) (Januari-Julai 1997: +19.9%). Jumlah kargo yang dikendalikan oleh Pelabuhan Johor meningkat sebanyak 2.9% kepada 11.3 juta fwt (Januari-Julai 1997: 5.7%) manakala Pelabuhan Kuantan meningkat sebanyak 7.2% atau 3.4 juta fwt (Januari-Julai 1997: 7.6%). Pertumbuhan positif yang direkodkan oleh dua pelabuhan ini sebahagian besarnya kerana peningkatan dalam pelaburan dan pembesaran kemudahan-kemudahan di pelabuhan. Dalam kes Pelabuhan Kelang yang merupakan pelabuhan yang

utama di negara ini, jumlah kargo yang dikendalikan oleh Port Kelang merosot sebanyak 18.2% kepada 26 juta fwt berbanding pertumbuhan 16% atau 31.8 fwt dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Di dalam industri perkhidmatan perhubungan, permintaan untuk perkhidmatan telekomunikasi terus baik. Dalam lapan bulan pertama tahun ini, perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan oleh MIMOS melalui perkhidmatan jaring (Internet) meningkat sebanyak 67.4% (143,439 pelanggan) berbanding peningkatan sebanyak 124.8% (85,674 pelanggan) dalam tempoh yang sama tahun lepas. Trend ini juga kelihatan dalam penyediaan perkhidmatan Internet yang lain seperti TM Net, di mana bilangan pelanggan meningkat 220,000 ribu pada akhir Julai 1998 daripada 106,000 pelanggan pada akhir tahun 1997. Bagi talian tetap yang disediakan oleh Telekom Malaysia Berhad, bilangan pelanggan meningkat sebanyak 10.1% kepada 4.3 juta pelanggan pada akhir bulan Julai 1998. Bagi perkhidmatan yang lain, pelanggan Telekom bagi telefon awam meningkat 12.4%, 'leased circuit' 15.3% manakala, Atur 450 merosot sebanyak 7.5%.

Nilai ditambah **sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan** dijangka sederhana pada kadar pertumbuhan 4.1% dalam tahun 1998 (1997 : 9.5%). Dalam industri perkhidmatan kewangan, nilai ditambah dipengaruhi dari kejatuhan mendadak pertumbuhan kredit sistem bank pada kadar 8.9% pada akhir Julai 1998, berbanding pertumbuhan 25.9% pada akhir tahun 1997. Dalam nilai sebenar, jumlah pinjaman sistem bank pada akhir Julai 1998 (RM400.0 bilion) adalah 0.4% atau RM1.7 bilion lebih rendah daripada akhir tahun 1997 (RM401.7 bilion). Bagaimanapun, memandangkan sistem bank perlu mencapai sekurang-kurangnya 8% pertumbuhan kredit pada akhir tahun 1998, dijangka nilai ditambah sektor kewangan mengalami pertumbuhan positif, walaupun ianya akan disederhanakan oleh margin keuntungan yang rendah memandangkan margin maksima yang dibenarkan di atas kadar asas pinjaman dinyatakan telah dikurangkan kepada 2.5 mata peratusan berbanding 4 mata peratusan pada awalnya. Nilai ditambah industri perkhidmatan kewangan telah dipengaruhi dari kemerosotan harga dan jumlah yang lebih rendah bagi saham yang diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Semenjak akhir tahun 1997 sehingga 15 September 1998, kerugian pasaran modal sebanyak 32.2% sementara jumlah perolehan sepanjang tempoh itu merosot sebanyak 47.6% kepada 38.08 bilion saham (Januari-September 1997:

58.29 bilion saham). Dalam industri perkhidmatan insurans, jumlah pendapatan yang diperolehi oleh industri ini meningkat pada kadar yang lebih rendah iaitu 13.5% kepada RM3.9 bilion dalam tempoh setengah tahun 1998, (Januari-Jun 1997: 15.6%). Pertumbuhan perlahan ini dijangka berterusan sepanjang tahun 1998 dengan mengambilkira terutamanya kelembapan pertumbuhan dalam perniagaan insurans am. Dengan permintaan untuk rumah, ruang perniagaan dan lain-lain harta yang dijangka terus lemah, perkhidmatan berkaitan hartanah dijangka terus merosot dalam tahun 1998. Jumlah harta dipindahmilik yang direkodkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998 merosot sebanyak 30.9% kepada jumlah 128,936 pindahmilik (Januari-Ogos 1997: 3.4%). Nilai pindahmilik pula merosot sebanyak 45.4% kepada RM19,584.5 juta (Januari-Ogos 1997: 11%).

Nilai ditambah yang dijanakan oleh bekalan **letrik, gas dan air** dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah iaitu 7% berbanding dengan 13% dalam tahun 1997. Walaupun penggunaan oleh sektor industri merosot sebanyak 0.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, akibat dari aktiviti-aktiviti sektor perkilangan dan perlombongan yang berkurangan, kemerosotan itu bagaimanapun telah diimbangi oleh peningkatan dalam penggunaan letrik oleh sektor kediaman (+21.1%) serta sektor perniagaan (+14.6%). Untuk keseluruhan tahun 1998, menurut TNB, penggunaan letrik dijangka meningkat sebanyak 7.9% kepada 47,183 Giga watt per jam (gwj) (1997: 14.4%). Manakala jumlah penjanaan letrik oleh Tenaga Nasional Berhad dijangka meningkat sebanyak 6.1% kepada 8,696 mega watt dalam tahun 1998, sementara tambahan sebanyak 4,144 mega watt akan dibekalkan oleh Penjana Bebas Persendirian. Untuk memenuhi permintaan yang berterusan, jumlah air yang dibekalkan kepada pengguna dijangka meningkat sebanyak 3.4% kepada 10,221 juta liter sehari (jlh) dalam tahun 1998, daripada 9,886 jlh dalam tahun 1997. Untuk memenuhi permintaan dan mengatasi masalah kekurangan bekalan air, kerajaan terus membina loji rawatan air dan meningkatkan bekalan air ke kawasan luar bandar.

Di antara sektor kecil bukan perkhidmatan, **sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** dijangka mengalami kesan yang paling terjejas dari kelembapan ekonomi. Dengan penggunaan sektor swasta yang perlahan, nilai ditambah sektor kecil ini menguncup sebanyak 1.5% dalam setengah tahun 1998. Bagaimanapun dengan

pengurangan temasya Sukan Komanwel serta pengenalan langkah-langkah untuk mengurangkan kadar bunga dan memudahkan syarat-syarat kredit untuk pembelian kereta penumpang, sumbangan nilai ditambah dalam suku tahun kedua dilihat kurang terjejas iaitu pada kadar -1.3%, kesannya untuk keseluruhan tahun 1998, nilai ditambah sektor kecil ini akan menguncup pada kadar 1.4% (1997: 7.0%), dihipit oleh penguncupan 10% dalam penggunaan benar sektor swasta. Semenjak pertengahan 1997, permintaan untuk perkhidmatan hotel dan restoran kekal malap memandangkan kadar penginapan hotel terus rendah pada kadar 49.8% dalam tempoh separuh pertama tahun 1998 (Januari-Jun 1997: 57.6%). Perdagangan borong dan runcit pula kekal lemah, disebabkan oleh kejatuhan 18% dalam perbelanjaan agregat benar dalam negeri. Oleh kerana

prestasi perdagangan borong dan runcit yang lemah, kutipan cukai jualan oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja merosot sebanyak 31.3% dalam tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997:-5.7%).

Bagi perkhidmatan yang disediakan oleh **sektor Kerajaan**, ianya dianggarkan meningkat sebanyak 2.4% dalam tahun 1998. Ini ternyata dari peningkatan 8.3% dalam perbelanjaan untuk emolumen serta pembelian bekalan dan perkhidmatan. Penyumbang ketara ke atas peningkatan nilai ditambah sektor perkhidmatan Kerajaan ini ialah perbelanjaan pembangunan perkhidmatan sosial yang meningkat sebanyak 1.6% kepada RM4,996 juta dalam tahun 1998 khususnya bagi meningkatkan perkhidmatan pendidikan.